

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peralatan yang diperlukan oleh peniaga bagi membolehkan mengumpulan GST. Senaraikan secara terperinci jenis peralatan serta perisian yang diperlukan serta setiap kos tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Dipertua, peralatan yang diperlukan oleh peniaga runcit untuk tujuan pengumpulan dan ikrar GST kepada JKDM adalah

terdiri daripada sistem *Point of Sales* (P.O.S) dan sistem perakaunan (*accounting software*). Manakala bagi peniaga bukan runcit hanya memerlukan sistem perakaunan sahaja bagi tujuan pengumpulan data GST.

Kos bagi setiap sistem P.O.S dan perakaunan adalah berbeza mengikut pakej yang ditawarkan oleh pembekal. Kos untuk pembelian P.O.S sahaja yang meliputi perisian P.O.S, CPU, *monitor*, *keyboard*, *mouse*, *cash drawer*, *auto laser barcode scanner*, dan *thermal receipt printer* boleh mencecah sekurang-kurangnya RM2,500 dan tertakluk kepada kos perkhidmatan selepas jualan dan nilai tambah yang dibekalkan oleh vendor.

Manakala bagi perisian perakaunan, para peniaga adalah digalakkan untuk menggunakan perisian yang telah diluluskan oleh pihak JKDM. JKDM telah melantik 181 vendor yang bersesuaian bagi membekalkan perisian yang menepati piawaian yang telah ditetapkan. Para peniaga boleh memperolehi senarai penuh pembekal dan harga dengan melayari alamat web rasmi JKDM iaitu gst.customs.gov.my. Kos perisian perakaunan patuh GST adalah bergantung kepada keperluan dan jenis perniagaan iaitu dalam lingkungan harga RM2,000 sehingga melebihi RM10,000. Terdapat juga perisian perakaunan yang menggunakan sistem *cloud* yang mana

kosnya adalah lebih rendah daripada jumlah tersebut.